

# HUBUNGAN ANTARA CIRI-CIRI KEUSAHAWANAN DENGAN ASPIRASI KEUSAHAWANAN PELAJAR DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA (DVM) DI KOLEJ VOKASIONAL RANACO MARIN

(RELATIONSHIP BETWEEN ENTREPRENEURIAL CHARACTERISTICS AND  
ENTREPRENEURIAL ASPIRATIONS AMONG MALAYSIAN VOCATIONAL DIPLOMA  
(DVM) STUDENTS AT THE RANACO MARINE VOCATIONAL COLLEGE)

Mohamad Ayub bin Ariffin  
[abgmat.ayub@gmail.com](mailto:abgmat.ayub@gmail.com)

Radin Siti Aishah binti Radin A. Rahman  
[radin@ukm.edu.my](mailto:radin@ukm.edu.my)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Abstrak:** Aktiviti keusahawanan berperanan untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi di sesebuah negara. Namun, kadar pengangguran dalam kalangan pelajar lepasan universiti dilihat sebagai suatu yang sangat membimbangkan sebagaimana hasil kajian pengesanan graduan tahun 2015 iaitu 27.9 % graduan yang masih belum bekerja dan selain itu, kadar penglibatan graduan dalam kerjaya keusahawanan masih lagi rendah. Mengambil kira hal ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) giat memperkenalkan kursus keusahawanan di semua sektor pendidikan di Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dengan aspirasi keusahawanan dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia (DVM) di Kolej Vokasional Ranaco Marin. Secara perinciannya, objektif kajian ini adalah untuk i) mengenal pasti tahap IV dan DV ciri-ciri keusahawanan dan aspirasi keusahawanan dalam kalangan pelajar DVM, dan ii) mengenal pasti hubungan antara IV dan DV dalam kalangan pelajar DVM. Kajian tinjauan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan proses pengumpulan maklumat diperolehi setelah memenuhi kesahan muka dan kandungan dan memperoleh nilai kebolehppercayaan yang diterima dengan nilai Cronbach alfa melebihi  $\alpha$  nilai 0.70 bagi IV dan DV. Seramai 214 orang pelajar DVM Kolej Vokasional Ranaco Marin yang telah mengambil kursus keusahawanan sebagai wajib dalam pengajian mereka dijadikan sebagai sampel kajian dengan menggunakan teknik pensempalan rawak berstrata. Analisis diskriptif digunakan bagi mendapatkan nilai frekuensi, min dan sisihan piawai, manakala analisis inferensi pula menggunakan korelasi pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keseluruhan tahap ciri-ciri keusahawanan pelajar DVM Kolej Vokasional Malaysia berada pada tahap tinggi. Manakala, tahap aspirasi keusahawanan adalah 0.560 pada skor tinggi. Seterusnya, tidak terdapat hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dengan aspirasi keusahawanan pelajar DVM dengan nilai kekuatan yang tidak kuat ( $r = -0.063$ ,  $p > 0.05$ ). Ini jelas menunjukkan pelajar DVM Kolej Vokasional Ranaco Marin mempunyai potensi keusahawanan namun masih kurang untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya. Justeru tenaga pengajar dan pendidikan keusahawanan di Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak pentadbir serta guru di Kolej Vokasional harus ditambah baik tentang kurikulum kandungan kursus keusahawanan di Kolej Vokasional.

**Kata Kunci:** Ciri-ciri keusahawanan, aspirasi keusahawanan, dan pelajar Diploma Vokasional Malaysia Malaysia (DVM)

**Abstract:** *Entrepreneurship activities play a role in increasing socio-economic level in a country. However, the unemployment rate among university graduates is seen as a worrying concern as the result of the 27.9% graduates who are still unemployed and the degree of involvement of graduates in entrepreneurship career is still low. Considering this, the Ministry of Education (MOE) is actively introducing entrepreneurship courses in all education sectors in Malaysia. Therefore, this study aims to identify the relationship between entrepreneurial characteristics and entrepreneurial aspirations among Malaysian Vocational Diploma (DVM) students at the Ranaco Marin Vocational College. In detail, the objective of this study is to identify the level IV and DV characteristics of entrepreneurship and entrepreneurial aspirations among DVM students, and ii) identify the relationship between IV and DV among DVM students. Survey using questionnaire as a research instrument and information gathering process was obtained after fulfilling the face and content validity and obtained the value of reliability received with Cronbach alpha values over 0.70 values for IV and DV. A total of 214 DVM students of Ranaco Marine Vocational College who have taken entrepreneurship courses as mandatory in their studies were used as a sample of the study using stratified random sampling techniques. Descriptive analysis is used to obtain the frequency, mean and standard deviation, while the inference analysis also uses Pearson correlation. The findings show that the overall level of Entrepreneurial Characteristics of Malaysian Vocational College DVM students is at high level. Meanwhile, the level of entrepreneurial aspiration is 0.560 in high scores. Furthermore, there is no relationship between entrepreneurial characteristics with DVM student entrepreneurship aspiration with a non-strong strength value ( $r = -0.063$ ,  $p > 0.05$ ). This clearly shows DVM students Ranaco Marine Vocational College has the potential of entrepreneurship but still less to choose entrepreneurship as a career. Hence, instructors and entrepreneurship education at the Technical and Vocational Education Unit, the Ministry of Education Malaysia and the administrators and teachers of the Vocational College should be improved on the content curriculum of entrepreneurship courses at the Vocational College.*

**Keywords:** *Entrepreneurship characteristics, entrepreneurial aspirations, and Malaysian Vocational Diploma students (DVM)*

2019 JGBSE

## **Pengenalan**

Pada abad ke-21 ini, keusahawanan telah menjadi salah satu bidang yang penting terhadap pembangunan ekonomi, produktiviti, inovasi dan peluang pekerjaan dalam sesebuah negara di samping perubahan dalam teknologi telah membentuk semula landskap ekonomi dunia dan mewujudkan ketidaktentuan ekonomi tersebut. Oleh hal yang demikian, bidang keusahawanan dianggap sebagai salah satu medium untuk mengatasi cabaran ekonomi, sosial dan alam sekitar dalam negara menerusi peluang pekerjaan baru dan sebagai tindak balas terhadap perubahan persekitaran.

Keusahawanan adalah bidang yang penting dalam pembangunan sesebuah negara. Malaysia yang sedang bergerak ke arah sebuah negara maju, giat merencanakan kegiatan keusahawanan dalam kalangan rakyat khususnya golongan belia dan bumiputera. Di samping menjadi sebuah negara maju, Malaysia turut cuba mengurangkan kumpulan di bawah paras kemiskinan dan merapatkan jurang ekonomi antara kumpulan masyarakat. Hasrat ini telah bermula sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1970 sehingga kini (Unit Perancang Ekonomi, 2010).

Kini, peranan usahawan dalam pembangunan ekonomi negara ini lebih menonjol menerusi pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-10 (2011-2015) dan Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020). Salah satu strategik inisiatif dalam rancangan ini adalah menambah baik program pembangunan kemahiran dan keusahawanan. Oleh hal yang demikian, peranan usahawan tanpa mengira kaum dan bangsa dapat membawa transformasi kepada ekonomi dan sosial negara dan dengan ini, pelbagai isu sosial negara seperti isu pengangguran terutamanya pengangguran dalam kalangan graduan dapat ditangani menerusi bidang keusahawanan ini.

### **Penyataan Masalah**

Kadar pengangguran dalam kalangan pelajar lepasan universiti atau IPT dilihat sebagai suatu perkara yang sangat membimbangkan memandangkan mereka merupakan pemangkin kepada agenda transformasi negara. Kajian Pengesanan Graduan 2015 yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Pelarasan Dasar KPT 2015) menunjukkan bahawa 27.9% graduan masih belum bekerja semasa kajian pengesanan dilaksanakan (Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Penyelarasan Dasar 2016). Senario ini menjelaskan bahawa masih terdapat ramai graduan yang tidak bekerja dan keadaan ini akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi memandangkan tenaga sumber manusia tidak dapat digunakan dengan efisien. Kecekapan dalam penggunaan sumber tenaga yang terhad sangat diperlukan bagi mewujudkan perubahan dinamik yang berterusan dalam ekonomi negara serta dapat bersaing di peringkat global (Fayolle & DeGeorge 2006; Innocenti, Peluso & Pilati 2012).

Kadar penglibatan graduan dalam kerjaya keusahawanan masih lagi rendah walau pun pelbagai inisiatif dan program telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk memupuk tingkah laku keusahawanan dalam kalangan graduan (Hoe 2006; Nor Aishah et al. 2010; Norasmah & Salmah 2011). Melalui Kajian Pengesanan Graduan 2015 juga dapat dilihat bahawa trend pilihan sektor pekerjaan pada tahun tersebut menunjukkan hanya 10.6% daripada graduan sahaja yang memilih kerjaya keusahawanan manakala majoriti graduan lebih cenderung untuk bekerja di sektor swasta (44.50%), kerajaan/badan berkanun (20.60%), swasta multinasional (17.70%), syarikat GLC/NGO/ dan lain-lain (6.6%). Ini secara tidak langsung menggambarkan kerjaya keusahawanan bukanlah satu kerjaya yang menjadi pilihan dalam kalangan graduan Institusi Pengajian Tinggi Awam (Suhaila, Normazaini, & Mohamed Arshad 2015).

Seterusnya, pelajar universiti dan IPT juga didapati masih lagi dibelenggu dengan sikap kurang peka terhadap peluang kerjaya keusahawanan menyebabkan mereka gagal mengenal pasti peluang yang wujud dalam perkembangan era teknologi moden ini (Norasmah et al. 2012). Sikap tidak mahu mengambil peluang untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan menyebabkan kerjaya ini tidak mendapat sambutan dari kalangan pelajar universiti di Malaysia (Morshidi et al. 2004; Norasmah et al. 2006; Mohd Nor et al. 2006; Norasmah et al. 2012). Antara faktor yang mengakibatkan pelajar universiti tidak berminat dengan kerjaya keusahawanan adalah wujudnya tanggapan atau persepsi negatif terhadap bidang kerjaya ini dalam kalangan mereka (Abu Bakar dan Muhammad Syukri 2005). Justeru, pelajar universiti yang mempunyai pemikiran negatif ini akan hilang keyakinan terhadap potensi kerjaya keusahawanan serta tidak akan menyedari peluang-peluang yang wujud hasil daripada menceburkan diri dalam bidang keusahawanan (Collin et al. 2004; Ishak et al. 2006; Mohd Murray Hunter et al. 2006; Mohd Yusop et al. 2003; Morshidi et al. 2008; Norasmah et al. 2006; Salmah 2006; Zaidatol Akmaliah 2007).

Oleh itu, pengkaji ingin mencadangkan satu penyelidikan untuk melihat sejauh mana tahap ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar DVM berdasarkan dimensi keperluan kepada

pencapaian, inovasi, kesanggupan mengambil risiko, lokus kawalan dalaman, dan keyakinan diri. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengenal pasti tahap perhubungan antara ciri-ciri keusahawanan dengan aspirasi keusahawanan pelajar Diploma Vokasional Malaysia (DVM) di Kolej Vokasional Ranaco Marine.

## **Tinjauan Literatur**

### **Keusahawanan Mengikut Perspektif Sosiologi**

Keusahawanan juga seringkali berkait rapat dengan perspektif sosiologi. Pendekatan sosiologi menerangkan keadaan sosial yang mempengaruhi kemunculan seorang usahawan dan faktor-faktor sosial yang mempengaruhi keputusan untuk menjadi usahawan.

Salah satu ahli sosiologi awal, Max Weber (1958) telah mengaitkan keusahawanan dengan elemen keagamaan yang dijadikan landasan untuk mencapai kejayaan dalam aktiviti ekonomi. Menurut Weber, nilai-nilai keagamaan yang universal seperti kejujuran menjadi faktor yang penting dalam menggerakkan aktiviti keusahawanan. Kepercayaan dalam kehidupan beragama ini melahirkan sikap tekun dan bertanggungjawab dalam bekerja dan menjadi pendorong kepada pengumpulan aset-aset yang produktif. Beliau mengatakan bahawa kejayaan golongan Protestant dalam kegiatan ekonomi disebabkan oleh ajaran agama itu sendiri. Pegangan yang kuat terhadap agama telah menjadi dorongan kepada mereka untuk mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi.

Gibbs (1972) pula mengemukakan model keusahawanan yang dikenali sebagai model pembangunan sosial. Model ini menerangkan proses dan perhubungan sosial yang dilakukan oleh seseorang dan memaksa diri mereka untuk melakukan perubahan dengan mengambil keputusan untuk menceburi diri dalam perniagaan. Model ini memerlukan kesungguhan persiapan mental, fizikal dan kewangan serta personaliti yang tertentu. Sementara itu, model yang diperkenalkan oleh Shapero dan Sokol mengaitkan keadaan sosial dan dua faktor yang mempengaruhi seseorang membuat keputusan untuk menjadi usahawan, iaitu faktor dorongan keusahawanan dan faktor situasi.

### **Keusahawanan Mengikut Ahli Ekonomi**

Teori awal menyentuh soal-soal fungsi dan peranan usahawan dan keusahawanan dalam pembangunan ekonomi. Hal ini demikian kerana sebahagian konsep keusahawanan ini telah diperkenalkan oleh ahli-ahli ekonomi seperti Richard Cantillon, Adam Smith, Joseph Schumpeter dan lain-lain yang menyentuh tentang keusahawanan dan kesannya terhadap pembangunan ekonomi masyarakat.

Antara ahli ekonomi yang banyak memberi sumbangan dalam bidang keusahawanan ialah Joseph Schumpeter (1934) yang melihat keusahawanan sebagai kuasa kemusnahan yang kreatif. Model yang dibawa oleh Schumpeter melihat inovasi sebagai teras kepada kegiatan keusahawanan apabila inovasi ini dilaksanakan oleh individu yang bergelar usahawan. Menurut Schumpeter, kegiatan keusahawanan merangkumi semua kegiatan atau usaha yang membawa kepada satu bentuk pembaharuan termasuk kepada proses teknologi baharu atau produk baharu. Contohnya ciptaan wireless oleh Marconi yang telah menjadi industry perhubungan satu revolusi dan meningkatkan kegiatan ekonomi secara keseluruhannya. Schumpeter juga turut membincangkan soal keseimbangan (equilibrium) apabila beliau menimbulkan persoalan 'siapakah dan apakah' dan bukannya 'mengapakah' yang menyebabkan ketidakseimbangan

berlaku dalam ekonomi. Beliau mengaitkan keadaan ini dengan tindakan usahawan melalui daya inovasi dan kreativiti serta berpendapat usahawan yang membawa perubahan kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara.

### **Keusahawanan Dari Perspektif Psikologi**

Salah satu pendekatan yang digunakan oleh pengkaji untuk mengkaji bidang keusahawanan adalah dengan melakukan kajian terhadap ciri-ciri dan sifat personaliti seseorang yang memulakan perniagaan yang baharu. Pengkaji mendapati bahawa terdapat perbezaan cara seseorang usahawan bertindak dan bertindak balas dan perbezaan ini ialah hasil kajian mereka secara intrinsik. Kajian keusahawanan yang berabad-abad yang lalu telah mengenal pasti beberapa ciri personaliti yang membezakan usahawan dengan bukan usahawan.

Teori kehendak pada pencapaian mengikut McClelland (1961), individu-individu yang mempunyai kehendak pencapaian yang tinggi merupakan golongan yang lebih suka mengambil tanggungjawab ke arah mencapai sesuatu matlamat dengan usaha sendiri. Beliau telah berjaya mempelopori kajian ilmu keusahawanan dengan teori kehendak pada pencapaiannya. Model ini telah diuji di India dan menjadi bahan rujukan bagi negara-negara dunia ketiga yang cuba mencari penyelesaian masalah sosio-ekonomi melalui keusahawanan.

### **Ciri-Ciri Keusahawanan**

Ciri-ciri asas keusahawanan bermaksud menjalankan kombinasi baru seperti produk atau perkhidmatan baru (Scumpeter, 1934). Kegiatan keusahawanan merupakan satu proses memupuk dan melahirkan pelajar dengan budaya berniaga (Hussaini et al, 2009). Keusahawanan juga bermaksud mempamerkan ciri-ciri yang dimiliki oleh usahawan yang membolehkan usahawan mencari peluang, mengambil risiko yang belum pasti dan mempunyai kecenderungan untuk menjadikan idea sebagai realiti (Kuratko dan Hodgett 2004).

Seseorang individu yang berjaya dalam bidang keusahawanan ataupun ingin membina diri sebagai seorang usahawan yang berjaya perlu mempunyai ciri-ciri tertentu (Brockhaus, 1982; Brockhaus dan Horwitz, 1986). Ciri-ciri ini bukanlah sesuatu yang diwarisi semenjak seseorang itu dilahirkan tetapi ia dapat dipelajari dan dibangunkan. Antara ciri-ciri penting yang perlu ada pada diri seorang usahawan adalah sifat berdikari, yakin diri, mencari maklum balas, desakan supaya berjaya dan kerja secara berpasukan.

Selain itu sifat seperti berorientasikan peluang, boleh dipercayai dan jujur, kemampuan fizikal yang memuaskan dan tabah menghadapi kesamaran serta kegagalan. Manakala ciri-ciri yang paling kritikal yang perlu ada dalam diri setiap Ciri-ciri yang dimiliki oleh individu ini dikaitkan dengan ciri-ciri keusahawanan termasuk daya usaha, motivasi, kreativiti, kepercayaan pada diri sendiri yang tinggi serta keupayaan mengambil risiko. Di kalangan usahawan, ciri-ciri ini amat terserlah sekali. Ciri-ciri ini juga dimiliki oleh individu yang berjaya, walaupun mereka tidak menceburkan diri dalam bidang perniagaan. usahawan ialah sanggup menghadapi risiko (Schere, 1982; Sexton dan Browman, 1985; Chell et al., 1991; Shaver dan Scott, 1991; Herbert dan Link, 1988; Low dan MacMillan, 1988; Bygrave, W.D. (1989); Hatten, T.S (1997); Lambing dan Kuehl, 2003; Zafir dan Fazilah, 2003). Menurut Kozubíková, Belás, Bilan, & Bartos. (2015), ciri-ciri yang paling penting di dalam diri usahawan adalah keberanian, berdikari, bertanggungjawab, kesungguhan, ketabahan, proaktif, dan mempunyai kreativiti dalam bidang tertentu. Usahawan mempunyai kecenderungan untuk memilih diri mereka dalam

bidang perniagaan tertentu yang mempunyai konsistensi antara ciri-ciri peribadi dan keperluan untuk berjaya. Di samping itu, mereka cenderung untuk menguruskan perniagaan mereka dengan menggunakan kualiti yang kuat dan khusus mereka. (Sidik, 2012).

Pada asasnya, ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh usahawan adalah sama dan tidak mengira bidang yang diceburi. Ciri-ciri yang telah dibincangkan merupakan ciri-ciri terpenting yang perlu dimiliki dalam diri seseorang yang bergelar usahawan. Kebanyakan pengkaji bersependapat dalam menggariskan ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seorang usahawan.

### **i. Keperluan Kepada Pencapaian**

Menurut McClelland (1961), teori keperluan kepada pencapaian atau "*need for achievement*" adalah berdasarkan kecerdasan semasa kecil dengan menyatakan bahawa usahawan yang didorong untuk mencapai sesuatu kejayaan dipengaruhi unsur-unsur sejak dari zaman kanak-kanak yang menekankan faktor kecemerlangan, keibuan, berdikari dan dominasi dari bapa. Teori McClelland (1961) menyatakan bahawa keperluan pencapaian adalah satu kekuatan psikologikal di sebalik tindakan manusia dan telah di cadangkan sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi gelagat keusahawanan. Mengikut Teori McClelland, individu yang mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi adalah mereka yang ingin menyelesaikan masalah sendiri, menetapkan sasaran, dan berjuang mencapai sasaran melalui usaha sendiri. Teori ini mencadangkan bahawa individu yang mempunyai keperluan pencapaian yang kuat selalu menjumpai jalan ke arah keusahawanan dan lebih berjaya berbanding orang lain sebagai usahawan. Adalah dipercayai bahawa individu yang mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi akan mempunyai pencapaian yang lebih baik dan mempunyai keinginan yang kuat untuk kejayaan.

### **ii. Inovasi**

Usahawan yang kreatif dan inovatif ialah seseorang yang dapat menghasilkan idea dan konsep baru dan dapat menterjemahkan kepada produk yang dapat di komersialkan. Usahawan yang kreatif merupakan usahawan yang mempunyai banyak idea, panjang akal dan berupaya menghasilkan produk baru dan canggih serta unik. Manakala usahawan yang mempunyai ciri inovatif ialah usahawan yang sentiasa ingin memperkembang dan membuat pembaharuan dalam kerjayanya. Usahawan pada abad ke-21 perlu mempunyai ciri-ciri kreativiti dan inovasi bagi mendapat kelebihan persaingan terutamanya dalam bidang yang menggunakan teknologi tinggi dan terkini. Jika tidak, usahawan akan dianggap ketinggalan dan tidak dapat bersaing di pasaran global. Sebagai contoh, usahawan yang pandai dalam kreatif dan inovasi ini ialah Datuk Tony Fernandes, kerana beliau mencipta satu penerbangan yang mampu dinaiki oleh semua orang iaitu penerbangan tambang murah. Mungkin orang lain tidak terfikir hal ini, namun dengan pengalaman dan pemerhatian beliau menjadikan beliau berjaya sehingga kini. Kenyataan ini disokong oleh Ong Chai Lin (2010) iaitu usahawan yang mempunyai ciri inovatif ialah usahawan yang sentiasa ingin memperkembang dan membuat pembaharuan dalam kerjayanya.

### **iii. Kesanggupan Mengambil Risiko**

Berani mengambil risiko merupakan salah satu konsep keusahawanan yang perlu ada dalam jiwa seorang usahawan tersebut. Keberanian mengambil risiko memang ciri penting kejayaan dalam perniagaan. Namun, usahawan tidak boleh berani secara membuta tuli. Persaingan sengit dunia perniagaan kini menjadikan kemampuan mengurus risiko semakin penting dan kritikal.

Usahawan mesti meluangkan masa belajar mengenai pengurusan risiko. Kejayaan perniagaan tidak boleh bergantung kepada nasib. Perniagaan perlu diurus dengan pengetahuan dan kebijaksanaan untuk mendapat kelebihan dalam persaingan. Menurut Boschee dan McClury (2003) pula menyatakan usahawan sebagai individu yang mengelola, mengurus dan mengambil risiko perniagaan di mana, usahawan juga merupakan seseorang individu yang menerokai perniagaan baru dengan mengambil risiko atas pulangan perniagaannya iaitu keuntungan dan juga perkembangan perniagaan tersebut.

#### **iv. Lokus Kawalan**

Lokus kawalan dalaman (*internal locus of control*) merupakan istilah yang digunakan oleh ahli psikologi untuk menggambarkan sikap seseorang terhadap persekitaran luaran. Kebanyakan individu malah masyarakat mempunyai pandangan mereka dipengaruhi oleh dunia luaran bahawa perkara yang berlaku kepada mereka ditentukan oleh takdir, majikan atau syarikat mereka. Keadaan sedemikian dikenali sebagai lokus kawalan luaran (*external locus of control*) Kebanyakan pemimpin usahawan yang berjaya mempunyai lokus kawalan dalaman yang kuat. Mereka percaya bahawa mereka berkuasa untuk mengubah perkara yang akan berlaku.

#### **v. Keyakinan Diri**

Tahap keyakinan diri juga mengukur kejayaan seseorang dalam sesuatu bidang yang di ceburi dalam bidang perniagaan dan perusahaan, usahawan yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi terus memacu diri untuk mengembangkan perniagaannya. Ia tidak bergantung kepada nasib semata-mata sebaliknya yakin terhadap usaha yang dilakukan dan bijak menilai kelemahan dan kekuatan yang perlu ada untuk melebarkan sayap perniagaannya ke satu tahap yang lebih tinggi. Hasnah Ali, Norhafizah Abdul razak dan et. Al., (2010) mendapati faktor kejayaan usahawan iaitu keyakinan kepada diri sendiri merupakan faktor yang signifikan dalam mempengaruhi kejayaan mereka. Sebagai contoh, Dato' Maznah merupakan wanita pertama yang melibatkan diri dalam perniagaan perkhidmatan sekuriti sehingga menjadi salah sebuah syarikat sekuriti yang terkemuka di Malaysia Tahap keyakinan yang tinggi dalam dirinya untuk menceburi bidang yang dipelopori lelaki memberi satu inspirasi kepada wanita-wanita di Malaysia.

#### **Aspirasi Keusahawanan**

Aspirasi atau cita-cita menjadi daya penggerak yang pertama ke arah sesuatu bidang kerjaya yang diinginkan. Malaysia sedang mengubah keadaan masyarakat daripada masyarakat yang bergantung kepada kerajaan kepada masyarakat yang bekerja sendiri. Kerajaan menyarankan agar masyarakat bekerja sendiri dengan tidak mengharapkan bantuan orang lain untuk menyara diri dan keluarga. Ini bermaksud kerajaan secara tidak langsung telah menggalakkan masyarakat untuk berniaga, menghasilkan produk sendiri dan menjadi seorang usahawan. Dengan adanya kerjaya keusahawanan dalam bidang perniagaan bukan sahaja dapat meningkatkan taraf hidup individu dan masyarakat malah turut dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara. Selain itu, usahawan dapat menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang lain, maka ianya secara tidak langsung dapat mengurangkan angka pengangguran di kalangan rakyat Malaysia.

## **Metodologi**

Dalam kajian ini, pengkaji memilih kajian tinjauan berbentuk deskriptif sebagai reka bentuk kajian. pengkaji mengumpul maklumat berkaitan setiap pemboleh ubah yang telah dikenal pasti melalui soal selidik yang mana melibatkan jumlah jumlah populasi kajian iaitu seramai 214 orang pelajar DVM Kolej Vokasional Ranaco Marin. Data yang diperoleh seterusnya dianalisis secara deskriptif dan inferensi bersesuaian dengan persoalan kajian dan hipotesis kajian. Hal ini kerana, pengkaji ingin mengenal pasti kesan demografi terhadap ciri-ciri keusahawanan pelajar iaitu berdasarkan domain inovasi, kesanggupan mengambil risiko, keyakinan diri, locus kawalan, dan keyakinan diri. Kajian ini juga turut menggunakan pendekatan berbentuk kajian korelasi dengan menggunakan kaedah soal selidik. Analisis korelasi Pearson ( $r$ ) digunakan untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian.

Kajian korelasi dapat menentukan perkaitan antara setiap pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian yang wujud dalam sesuatu masalah (Hamidah 2013) serta dapat menentukan variasi yang berlaku pada setiap pemboleh ubah (Mohd Majid 2009). Jenis kajian ini juga mampu menjelaskan perkaitannya dengan variasi yang berlaku pada pemboleh ubah yang lain (Mohd Majid 2009). Manakala penggunaan kaedah soal selidik dilihat sebagai kaedah yang sesuai kerana merupakan alat ukur yang sering kali digunakan di dalam penyelidikan pendidikan. Soal selidik digunakan untuk memperoleh maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya.

Manakala kaedah pengumpulan data-data diperoleh dalam kajian ini adalah daripada dua sumber iaitu data primer dan data sekunder. Data primer merupakan data yang diperoleh daripada soal selidik manakala data sekunder pula diperoleh daripada buku-buku, tesis-tesis dan jurnal-jurnal yang berkaitan.

## **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

### **Analisis Dapatan Deskriptif**

Analisis dapatan kajian yang dibincangkan adalah berkaitan dengan ciri-ciri keusahawanan dan aspirasi dalam kalangan pelajar DVM Kolej Vokasional Ranaco. Terdapat tiga persoalan kajian yang dibincangkan iaitu persoalan kajian pertama, kedua dan persoalan kajian ketiga. Bagi persoalan kajian pertama, pengkaji membincangkan tahap ciri-ciri keusahawanan dan aspirasi keusahawanan. Manakala persoalan kajian kedua pula memaparkan perbezaan yang signifikan bagi aspirasi keusahawanan yang berlainan jantina dalam kalangan pelajar. Persoalan ketiga adalah mengenai perbezaan yang signifikan bagi aspirasi keusahawanan yang latar belakang keluarga terlibat dalam bidang keusahawanan dalam kalangan pelajar DVM. Tahap ciri-ciri keusahawanan dan aspirasi diukur berdasarkan item-item yang dikemukakan kepada responden kajian. Terdapat lima tahap skor min yang telah digunakan bagi analisis dapatan deskriptif kajian ini iaitu 1.00 hingga 2.00 (rendah), 2.01 hingga 3.00 (sederhana rendah), 3.01 hingga 4.00 (sederhana tinggi) dan 4.01 hingga 5.00 (tinggi). Bagi tujuan analisis dalam persoalan



Jadual 1: Tahap Ciri-Ciri Keusahawanan Berdasarkan Kepada Keperluan Kepada Pencapaian Pelajar DVM Mengikut Frekuensi, Peratusan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Skor Min.

Bil.	Keperluan Kepada Pencapaian Pelajar	STS	TS	KS	S	SS
		n (%)	n (%)	n (%)	n (%)	n (%)
B1.	Saya akan berusaha gigih untuk menjadi usahawan	0 (0)	2 (0.9)	20 (9.3)	79 (36.9)	113 (52.8)
B2.	Saya akan membuat yang terbaik dalam menyelesaikan Tugas yang sukar.	0 (0)	1 (0.5)	10 (4.7)	72 (33.6)	131 (61.2)
B3.	Saya merasai kepuasan yang tinggi apabila hasil kerja saya adalah yang terbaik.	0 (0)	1 (0.5)	0 (0)	8 (41.1)	125 (58.4)
B4.	Saya merasai bangga apabila hasil kerja yang baik dalam projek-projek yang saya jalankan	0 (0)	0 (0)	0 (0)	51 (23.8)	163 (76.2)

n = 214

Min = 4.58

Sisi Piawai = .559

Interprepsi Skor = Tinggi

Jadual 1 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden bagi ciri-ciri keusahawanan berdasarkan kepada keperluan kepada. Item B2 mempunyai kekerapan responden yang paling banyak sangat setuju iaitu 131 (61.2%). Dapatan kajian menggambarkan kebanyakan pelajar DVM sangat setuju bahawa sebahagian besar akan membuat yang terbaik dalam menyelesaikan tugas yang sukar punca mereka berpotensi mendekati diri dalam bidang keusahawanan. Manakala, item B1 mempunyai kekerapan yang paling banyak kurang setuju dan tidak setuju iaitu 20 (9.3%) dan 2 (0.9%). Pelajar DVM kebanyakannya tidak bersetuju dengan pernyataan "saya akan berusaha gigih untuk menjadi usahawan". Secara keseluruhan pula, interpretasi skor menunjukkan bahawa tahap ciri-ciri keusahawanan sub dimensi keperluan kepada pencapaian berada pada tahap tinggi iaitu (min=4.4.58, s.p.=.559). Pelajar didapati mempunyai tahap keupayaan yang tinggi dalam memahami tahap keperluan pencapaian diri sendiri dan orang lain serta dapat membuat keputusan secara rasional selaras dengan nilai-nilai yang ada pada diri mereka.

Jadual 2: Tahap ciri-ciri keusahawanan berdasarkan kepada keyakinan pelajar DVM mengikut frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan interpretasi skor min.

Bil.	Keyakinan diri Pelajar	STS	TS	KS	S	SS
		n (%)	n (%)	n (%)	n (%)	n (%)
B5.	Saya tahu kekuatan diri sebelum menjalankan perniagaan.	0 (0)	5 (2.3)	0 (0)	139 (65)	70 (32.7)
B6.	Saya percaya bahawa keputusan yang kukuh adalah penting dalam menentukan kejayaan sesuatu perniagaan.	0 (0)	11 (5.1)	0 (0)	140 (65.5)	63 (29.4)

B7. Saya percaya adalah penting menganalisis kelemahan diri sendiri berkenaan perkara-perkara penting	0 (0)	9 (4.2)	0 (0)	150 (70.1)	55 (25.7)
B8. Saya sentiasa yakin dengan keupayaan diri.	0 (0)	13 (6.1)	0 (0)	138 (65.5)	63 (29.4)

n = 214

Min = 4.248

Sisi Piawai = .524

Interprepsi Skor = Tinggi

Jadual 2 menunjukkan taburan kekerapan responden bagi ciri-ciri keusahawanan berdasarkan dimensi keyakinan diri. Kebanyakan pelajar paling kerap sangat setuju dengan item B5 iaitu 70 (32.7%). Pelajar berpendapat mereka perlu tahu akan kekuatan diri sebelum menjalankan perniagaan, mereka akan mengenalpasti akan kekuatan diri dalam menguruskan perniagaan dan pengurusan kewangan serta mampu mengambil risiko. Manakala item B7 menyaksikan terdapat 150 (70.1%) pelajar setuju dan 9 (4.2%) pelajar tidak bersetuju dengan pernyataan item tersebut. Pelajar tidak bersetuju bahawa apabila mereka merasakan penting mengalis kelemahan diri sendiri berkenaan perkara-perkara penting, mereka akan merasa diri adalah mempunyai kelemahan diri yang tinggi. Secara keseluruhan, interpretasi skor menunjukkan bahawa tahap ciri-ciri keusahawanan pelajar berdasarkan dimensi keyakinan diri berada pada tahap tinggi iaitu (min=4.248, s.p.=.524). Hal ini bermakna, kebolehan pelajar untuk melibatkan diri dalam keusahawanan adalah lebih berpotensi kerana mempunyai keyakinan yang tinggi yang terdapat dalam diri pelajar. Justeru, pelbagai inisiatif perlu diimplementasikan bagi menggalakkan pelajar mempunyai tahap keyakinan diri pelajar dengan lebih berkesan.

Jadual 3: Tahap Ciri-Ciri Keusahawanan Berdasarkan Kepada Inovasi Pelajar DVM Mengikut Frekuensi, Peratusan, Min, Sisi Piawai Dan Interpretasi Skor Min.

Bil.	Inovasi Pelajar	SS	S	KS	TB	STS
		n (%)	n (%)	n (%)	n (%)	n (%)
B9. Saya sentiasa berfikir mengenai idea-idea baru tentang Usahawan ketika saya lapang		0 (0)	7 (3.3)	0 (0)	150 (70.1)	57 (26.6)
B10. Saya sangat kreatif dalam mencipta sesuatu yang baru.		0 (0)	19 (8.9)	0 (0)	143 (66.8)	52 (24.6)
B11. Saya seorang yang inovatif		0 (0)	25 (11.7)	0 (0)	94 (43.9)	95 (44.4)
B12. Saya seorang yang berfikiran jauh dalam perniagaan		0 (0)	13 (6.1)	0 (0)	131 (61.2)	70 (32.7)

n = 214

Min = 4.245

Sisi Piawai = .572

Interprepsi Skor = Tinggi

Jadual 3 menunjukkan taburan kekerapan responden bagi ciri-ciri keusahawanan berdasarkan dimensi Inovasi. Item B11 mempunyai sangat setuju yang paling kerap iaitu 95 (44.4%) manakala item B10 merupakan item yang paling kurang sangat setuju oleh responden iaitu 52 (24.6%). Kebanyakan pelajar bersetuju bahawa mereka perlu mempunyai sifat kreatif dalam mencipta sesuatu yang baru, tetapi kurang bersetuju bahawa sebagai usahawan wajib mempunyai sifat inovatif. Dapatan juga menggambarkan seramai 13 (6.1%) pelajar tidak bersetuju dengan item B12 iaitu “seorang yang berfikiran jauh dalam perniagaan, kerana pada pendapat inovasi dalam diri seseorang usahawan tidak perlu terlalu berfikiran jauh dalam perniagaan”. Secara keseluruhan pula, interpretasi skor menunjukkan bahawa ciri-ciri keusahawanan pelajar berdasarkan inovasi berada pada tahap tinggi iaitu (min=4.245, s.p.=.572). Ini menunjukkan pelajar mempunyai keupayaan yang tinggi untuk melibatkan diri dalam usahawan dengan mengambil kira sikap dan inovasi diri dan pandangan orang lain semasa membuat keputusan atau melaksanakan sesuatu tindakan.

Jadual 4: Tahap Ciri-Ciri Keusahawanan Berdasarkan Kepada Kesanggupan Mengambil Risiko Pelajar DVM Mengikut Frekuensi, Peratusan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Skor Min.

Bil.	Inovasi Pelajar	SS	S	KS	TB	STS
		n (%)	n (%)	n (%)	n (%)	n (%)
B13.	Saya boleh mewujudkan peluang-peluang yang Membolehkan saya mendapat faedah darinya	0 (0)	15 (7.0)	0 (0)	141 (65.9)	58 (27.1)
B14.	Saya sanggup mengambil risiko yang tinggi untuk pulangan pulangan yang tinggi	0 (0)	14 (6.5)	0 (0)	152 (71.0)	48 (22.4)
B15.	Saya sering mengorbankan keselesaan peribadi untuk mendapat faedah peluang-peluang yang baik	0 (0)	12 (5.6)	0 (0)	139 (65.0)	63 (29.4)
B16.	Saya suka mengambil risiko menjalankan perniagaan	0 (0)	17 (7.9)	0 (0)	157 (73.4)	40 (18.7)

n = 214

Min = 4.175

Sisi Piawai = .503

Interprepsi Skor = Tinggi

Jadual 4 menunjukkan taburan kekerapan responden bagi ciri-ciri keusahawanan berdasarkan kesanggupan mengambil risiko. Hasil dapatan kajian menunjukkan item B15 mempunyai responden yang paling kerap sangat setuju dengan pernyataan dalam item tersebut iaitu 72 (33.6%). Dapatan ini menggambarkan kebanyakan pelajar mempunyai sikap kesanggupan mengambil risiko dalam diri mereka dengan sering mengorbankan keselesaan peribadi untuk mendapat faedah peluang-peluang yang lebih baik. Manakala, seramai 14 (6.5%) pelajar paling kerap tidak bersetuju dengan pernyataan item B14 dan B15. Hal ini menunjukkan pelajar tidak suka mengambil risiko yang tinggi untuk pulangan yang tinggi. Interpretasi skor juga

menunjukkan bahawa tahap ciri-ciri keusahawanan pelajar berdasarkan kesanggupan mengambil risiko berada pada tahap tinggi iaitu ( $\text{min}=4.175$ ,  $\text{s.p.}=.503$ ). Secara keseluruhan, pelajar masih lagi mempunyai sikap berani mengambil risiko dan potensi pelajar melibatkan diri dalam bidang keusahawanan adalah tinggi.

Jadual 5: Tahap Ciri-Ciri Keusahawanan Berdasarkan Kepada Lokus Kawalan Dalam Pelajar DVM Mengikut Frekuensi, Peratusan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Skor Min.

Bil.	Inovasi Pelajar	SS	S	KS	TB	STS
		n (%)	n (%)	n (%)	n (%)	n (%)
B17.	Saya mahir mencari peluang untuk membina rangkaian bagi menjalankan perniagaan	0 (0)	35 (16.4)	0 (0)	133 (62.1)	46 (21.5)
B18.	Saya tahu akan kelebihan jika bekerja sendiri	0 (0)	14 (6.5)	0 (0)	131 (62.1)	69 (32.2)
B19.	Saya mempunyai kemahiran menyediakan rancangan Perniagaan.	0 (0)	14 (6.4)	0 (0)	128 (59.8)	72 (33.6)
B20.	Memiliki daya saing yang tinggi dalam perniagaan	0 (0)	20 (9.3)	0 (0)	128 (59.8)	66 (30.8)

$n = 214$

Min = 4.198

Sisi Piawai = .588

Interprepsi Skor = Tinggi

Jadual 5 menunjukkan taburan kekerapan responden bagi ciri-ciri keusahawanan berdasarkan lokus kawalan dalaman. Hasil dapatan kajian menunjukkan item B20 mempunyai responden yang paling kerap setuju dengan pernyataan dalam item tersebut iaitu 157 (73.4%). Dapatan ini menggambarkan kebanyakan pelajar mempunyai daya saing yang tinggi dalam perniagaan mereka dengan membayangkan hasil yang lebih baik sekiranya mereka amalkan sikap persaingan sihat yang mereka laksanakan. Manakala, seramai 12 (5.6%) pelajar paling kerap tidak bersetuju dan 137 (65.0%) kurang bersetuju dengan pernyataan item B19. Hal ini menunjukkan pelajar tidak berapa mahir dalam menyediakan rancangan perniagaan. Interpretasi skor juga menunjukkan bahawa tahap ciri-ciri keusahawanan pelajar berdasarkan lokus kawalan dalaman berada pada tahap tinggi iaitu ( $\text{min}=4.198$ ,  $\text{s.p.}=.588$ ). Secara keseluruhan, pelajar masih lagi mempunyai kebolehan untuk melatih kemahiran menyediakan rancangan perniagaan yang baik dengan menghadiri kursus-kursus keusahawanan yang dianjurkan.

Jadual 6: Tahap Aspirasi Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar DVM Mengikut Frekuensi, Peratusan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Skor Min.

Bil.	Inovasi Pelajar	SS	S	KS	TB	STS
		n	n	n	n	n
		(%)	(%)	(%)	(%)	(%)
C1.	Saya berazam akan memulakan perniagaan sendiri setelah mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh	0 (0)	12 (5.6)	0 (0)	139 (65.0)	63 (29.4)
C2.	Saya sering terfikir untuk menjadi usahawan	0 (0)	8 (3.7)	0 (0)	145 (67.8)	61 (28.5)
C3.	Saya bersedia melakukan apa sahaja untuk menjadi usahawan	0 (0)	13 (6.1)	0 (0)	145 (67.8)	56 (26.2)
C4.	Saya akan berusaha sedaya upaya untuk menubuhkan Perniagaan sendiri Sendiri.	1 (0.5)	15 (7.0)	0 (0)	126 (58.9)	72 (33.6)
C5.	Saya telah menetapkan maklumat kerjaya untuk menjadi Usahawan.	0 (0)	6 (2.8)	0 (0)	120 (56.1)	88 (41.1)
C6.	Saya bertekad untuk memulakan perniagaan sendiri suatu hari nanti	0 (0)	4 (1.9)	0 (0)	99 (46.3)	111 (51.9)
C7.	Saya bertekad untuk menjadi usahawan.	0 (0)	10 (4.7)	0 (0)	104 (48.6)	100 (46.7)
C8.	Saya sangat yakin untuk memulakan perniagaan dalam tempoh lima tahun selepas bergraduasi	0 (0)	10 (4.7)	0 (0)	99 (46.3)	105 (49.1)
C9.	Saya didedahkan dengan institusi kewangan yang Khusus dalam memulakan perniagaan	2 (0.7)	23 (10.7)	0 (0)	139 (65.0)	49 (22.9)
C10.	Saya didedahkan dengan bantuan teknikal untuk memulakan perniagaan (contoh: premis, peralatan dan pengangkutan	0 (0)	12 (5.6)	0 (0)	129 (60.3)	73 (34.1)
C11.	Saya mempunyai kemahiran kepimpinan untuk menjadi seorang usahawan	0 (0)	18 (8.4)	0 (0)	144 (67.3)	52 (24.3)

n = 214  
 Min = 4.294  
 Sisi Piawai = .560  
 Interpretasi Skor = Tinggi

Jadual 6 menunjukkan taburan kekerapan responden bagi aspirasi keusahawanan. Item C6 memaparkan bilangan responden paling kerap sangat setuju dengan pernyataan tersebut iaitu 111 (51.9%). Hal ini menggambarkan kebanyakan pelajar mempunyai aspirasi keusahawanan yang baik dengan bertekad untuk memulakan perniagaan sendiri pada suatu hari nanti. Bagi C2 dan C3 item setuju, terdapat 145 (67.8%) “saya sering terfikir untuk menjadi usahawan dan saya bersedia melakukan apa sahaja untuk menjadi usahawan”. Ini menunjukkan pelajar mempunyai sikap lokus kawalan dalaman yang baik dan mempunyai strategik untuk memulakan perniagaan. Interpretasi skor keseluruhannya responden berada pada tahap tinggi iaitu (min=4.294, s.p.=.560). Secara keseluruhan, dapatan masih menunjukkan kecenderungan pelajar untuk terlibat dengan bidang keusahawanan adalah sangat tinggi potensinya.

Jadual 7: Hubungan Yang Signifikan Antara Ciri-Ciri Keusahawanan Dengan Aspirasi Keusahawanan Pelajar DVM.

		Ciri-ciri Keusahawanan	Aspirasi Keusahawanan
Ciri-ciri Keusahawanan	Pearson Correlation	1	-.063
Aspirasi Keusahawanan	Sig. (2-tailed)		.0362
	N	214	214

\*\* . Korelasi signifikan pada aras 0.05 (2-hujung)

Untuk menjawab hipotesis satu iaitu hubungan yang signifikan antara ciri-ciri keusahawanan dengan aspirasi keusahawanan pelajar DVM maka hipotesis nul telah dibentuk. Hipotesis tersebut telah dianalisis menggunakan korelasi *Pearson*. Di samping itu, untuk menguji kesignifikan hipotesis nul yang telah dibentuk dengan mengadaptasi interpretasi kekuatan nilai pekali korelasi berdasarkan skala pemeringkatan yang dibina oleh Lim (2007). Jadual 7 menunjukkan pekali korelasi *Pearson* antara ciri-ciri keusahawanan dengan aspirasi keusahawanan kalangan pelajar DVM ialah  $r = -.063$ , ( $p < 0.05$ ). Nilai  $r$  menunjukkan pekali korelasi yang negatif bagi hubungan antara kedua-dua. Kekuatan hubungan ini adalah pada tahap tidak kuat. Nilai kebarangkalian juga didapati lebih daripada aras signifikan ( $p = .362$ ), bermakna hipotesis nul gagal ditolak. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan yang kuat antara tahap ciri-ciri keusahawanan dan aspirasi keusahawanan dalam kalangan pelajar DVM Kolej Vokasional Ranaco. Hal ini menunjukkan tahap potensi pelajar untuk terlibat dengan bidang keusahawanan tidak perlu bergantung antara satu sama lain antara ciri-ciri keusahawanan dan aspirasi keusahawanan.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil dapatan kajian menggambarkan tahap ciri-ciri keusahawanan dan aspirasi keusahawanan menunjukkan tiada hubungan yang signifikan. Walau bagaimanapun, dimensi tahap ciri-ciri keusahawanan bagi kelima-lima ciri menunjukkan berapa pada tahap tinggi kesemuanya. Justeru, pelbagai aktiviti yang melibatkan kemahiran insaniah pelajar perlu dilaksanakan dengan tujuan pelajar dapat meningkatkan dan melahirkan pelajar yang lebih holistik dalam diri mereka dalam bidang keusahawanan. Para pelajar juga perlu diberi

pendedahan dan penekanan mengenai kepentingan tentang menjadi seorang usahawan yang berjaya dan dalam pelbagai tindak tanduk dalam bidang keusahawanan.

Memandangkan ciri-ciri keusahawanan adalah sesuatu yang boleh dipelajari dan dibentuk, pelajar perlu dibantu dari aspek pemikiran dan tingkah laku mereka supaya akhirnya dapat meningkatkan potensi yang ada dalam diri mereka. Oleh itu, pelajar ini akan menjadi individu yang berwibawa dan bersifat kepimpinan dan tidak takut kepada cabaran dalam dunia pekerjaan. Kajian ini juga diharapkan dapat mengetengahkan perspektif baharu dalam bidang keusahawanan supaya lebih ramai lagi pelajar DVM Kolej Vokasional berminat untuk menjadi usahawan pada masa akan datang sekaligus dapat mengurangkan kadar pengangguran dalam negara. Penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan mengubah senario ekonomi negara memandangkan bidang keusahawanan merupakan bidang yang dapat membantu meningkatkan ekonomi negara.

## Rujukan

- Abu Bakar Hamed & Muhammad Shukri Bakar. 2008. Personaliti Keusahawanan dan Kecenderungan Memulakan Perniagaan. Perbandingan antara pelajar Muslim dan Bukan Muslim. Kertas Kerja persidangan Keusahawanan Islam (ICEPS) di USIM. 16-17 Feb.
- Nor Aishah Buang, Ismail Raduan & Mohamad Husin. 2010. Kajian Impak Program Pembudayaan Keusahawanan INSKEN (2006-2009). Projek Penyelidikan.
- Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Penyelarasan Dasar. 2016. Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2015. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Hamidah Sulaiman. 2013. Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Gaya Asuhan Ibu Bapa Dalam Kalangan Pelajar Sekolah . Tesis Dr. Fal, Universiti Malaya.
- Mohammad Shahidi & Assel Smagulova. 2008. The challenges of entrepreneurship in dynamic society. *Central Asia Business* 1(1): 34 – 54.
- Mohd Majid Konting. 2009. Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nasharudin, N. dan Harun, H., (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1)(2010): 11-17.
- Norasmah Othman & Salmah Ishak. 2011. Kecenderungan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Mengikut Persepsi Peserta Skim Usahawan Siswa. *Jurnal Teknologi* 56 (Sains Sosial), Sept. 2011: 47–63. Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.
- Norasmah Othman, Halimah Harun, Zaidatul Akmaliah Lope Pihie & Noraisah Buang. 2006. Entrepreneurial attitude index for teenagers in Malaysia. Projek Laporan Akhir IRPA No. 07-02-02-0036 EA279.
- Norasmah Othman, Harinder Kaur a/p Toluk Singh, Po0, . T. & Norasiah Sulaiman. 2012. Globalization And The Trend In Demand For Higher Education In Malaysia. *International Journal Of Education And Information Technologies* 1(6) : 131 – 140
- Norasmah Othman, Nor Hafizah Othman, Poo, B.T. & Rahmah Ismail. Impak Globalisasi dan Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Universiti. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM) 2012. Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Ipoh, Perak, 4-6 Jun 2012.
- Norasmah Othman. 2002. Keberkesanan program keusahawanan remaja di sekolah menengah. Tesis Dr. Fal, Universiti Putra Malaysia.